

KENYATAAN MEDIA

MIROS GESA PENERIMA YANG BERKELAYAKAN SEGERA MEMBUAT PEMBELIAN SUBSIDI KERUSI KESELAMATAN KANAK-KANAK KELUARGA MALAYSIA (MyCRS)

KAJANG, 19 MEI 2022 – Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) ingin memaklumkan bahawa jumlah penerima yang layak untuk menerima subsidi di bawah Program Subsidi Kerusi Keselamatan Kanak-Kanak Keluarga Malaysia (MyCRS) sehingga kini adalah sebanyak **231,012** daripada 427,798 pemohon. Angka ini telah **melebihi 20 peratus** daripada sasaran asal jumlah penerima subsidi, iaitu sebanyak 188,000 penerima.

MIROS ingin membuat peringatan kepada para penerima yang telah **disenarai layak** untuk segera membeli kerusi keselamatan kanak-kanak ini di 240 kedai bertauliah yang telah didaftarkan di seluruh negara, secara terus di premis kedai atau pembelian dalam talian dengan kadar segera kerana subsidi ini diberikan berdasarkan pembelian dan bukan berdasarkan kelayakan. Senarai kedai berdaftar ini boleh didapati di laman sesawang www.mycrs.gov.my.

Semua pemohon di bawah Program Subsidi MyCRS ini pula dinasihatkan untuk membuat semakan semula status kelayakan permohonan di laman sesawang www.mycrs.gov.my bagi membolehkan pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak dibuat dengan segera sekiranya layak kerana data kelayakan telah dikemaskini. Namun, sekiranya permohonan masih tiada dalam senarai layak, pemohon boleh mengemukakan rayuan melalui pautan berikut: https://form.jotform.com/MIROS_mycrs/borang-rayuan-mycrs

Peruntukan subsidi berjumlah RM 30 juta ini adalah terhad kepada 188,000 penerima sahaja, dan seorang penerima hanya layak menuntut subsidi bagi satu (1) unit kerusi keselamatan kanak-kanak sahaja. Penerima digalakkan membuat pembelian seawal mungkin dalam tempoh dua (2) bulan daripada tarikh kelulusan permohonan bagi mengelakkan kehabisan kuota subsidi tersebut.

Sehingga hari ini, masih terdapat pelbagai pilihan kerusi keselamatan kanak-kanak pada harga mampu milik.



“Sekiranya pemohon menangguhkan pembelian kerusi keselamatan kanak-kanak, kemungkinan peluang untuk memiliki kerusi keselamatan kanak-kanak dengan harga mampu milik akan menjadi semakin terhad,” kata Dato’ Dr. Khairil Anwar bin Abu Kassim, Ketua Pengarah MIROS.

“Jangan tunggu, beli sekarang,” tambah beliau.



Permohonan Subsidi MyCRS Anda Berjaya?

- 01** Anda digalakkan membuat pembelian seawal mungkin dalam tempoh **dua (2) bulan** daripada tarikh permohonan, kerana kuota subsidi adalah terhad kepada 188,000 penerima sahaja.
- 02** Pembelian boleh dibuat dengan wakil penjual yang disenaraikan di laman sesawang www.mycrs.gov.my.
- 03** Sila bawa **1 (satu)** salinan kad pengenalan (MyKad) pemohon MyCRS, depan dan belakang untuk diserahkan kepada wakil penjual ketika pembelian dibuat.

Jangan tunggu, beli sekarang!

www.miros.gov.my @mirosroadsafety

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu
Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)
Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, Selangor
T: 016 – 415 4707 | E: nuursakinah@miros.gov.my